

Banjir Rezeki Kepada Penduduk Batu Pahat

Oleh: Mohammad Akmal Buyamin, 1180253

BATU PAHAT: Banjir yang berlaku di Batu Pahat, di sini sejak semalam, turut membawa bersama 'rezeki' apabila banyak ikan air tawar mudah dijumpai dan ditangkap penduduk.

Dengan hanya menggunakan peralatan menangkap ikan iaitu jala, jaring dan joran, penduduk berjaya menangkap ikan air tawar seperti siakap, keli, sepat dan puyu di kawasan yang dinaiki air.



Hasil tangkapan ikan air tawar oleh penduduk kampung di sini.

Penduduk, Rizal Sarmin, 30, berkata, dia bersyukur apabila mampu memperoleh pelbagai jenis ikan seberat kira-kira 10 kilogram (kg) hasil kegiatan memancing dan menjala.

"Saya mula menyauk dari jam 8 pagi tadi. Sejam kemudian, saya sudah mendapat 10 kg ikan puyu, sepat, siakap dan haruan yang mana amat susah ditangkap ketika hari-hari biasa.

"Rezeki sebegini bukan selalu diperolehi, sebaliknya hanya pada musim banjir," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Warijo, Batu Pahat di sini.

Sementara itu, Zarith Sofea, 20, berkata, dia amat bersyukur dengan banjir yang melanda kampungnya kerana banjir yang tak begitu teruk membawa rezeki yang melimpah ruah.

Menurutnya lagi, kebanyakan rumah di Kampung Parit Warijo di sini, tidak dinaiki air dan hanya rumah yang berada di kawasan penghulu kampung yang dinaiki banjir berikutan sungai berada di bersebelahan.



Habibah Jamil, 48, berkata, dia hanya mencuba nasib dengan memancing ikan menggunakan umpan cacing.

"Saya bernasib baik kerana berjaya memperoleh ikan siakap, tilapia dan puyu selepas memancing kira-kira sejam mulai jam 8 pagi tadi".

Menurutnya, "rezeki" yang diberikan ini, amat lah dinantikan seluruh penduduk, lagi lagi golongan kaki pancing.

"Alhamdulillah, saya tidak bercadang menjual ikan itu, sebaliknya akan memasaknya untuk hidangan keluarga," katanya di Kampung Parit Warijo, Batu Pahat.